



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Guru ditipu 'macau scam' rugi RM122,000

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 29 February 2020

Section: Tempatan
Page: 2

Guru ditipu 'Macau Scam' rugi RM122,000

SIBU: Hanya kerana digertak melalui panggilan telefon dan panik diugut akan ditangkap kerana kononnya terbabit dengan kes jenayah wang haram, seorang guru wanita di sini kerugian lebih RM122,000 selepas diperdaya sindiket 'Macau Scam.'

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, berkata mangsa berusia 56 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bank.

Katanya, suspek yang mendakwa daripada sebuah bank di Seremban, memberi-

tahu mangsa mempunyai tunggakan pinjaman bank sebanyak RM3,885 selama tiga bulan.

Apabila mangsa menafikan perkara itu katanya, panggilan disambungkan kepada seorang lagi suspek yang menyamar sebagai inspektor polis.

"Suspek kedua mendakwa mangsa juga pernah terlibat dengan kes jenayah dadah dan pengubahan wang haram," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Stanley berkata, mangsa yang panik dengan ugutan itu sekadar menuruti arahan suspek yang kononnya boleh menyelesaikan

masalah pengadu.

"Pengadu dikehendaki mengeluarkan semua wang simpanannya pada 6 Ogos tahun lalu dan memasukkannya ke 25 akaun berlainan dengan jumlah keseluruhan RM122,502," jelasnya.

Katanya, mangsa diarahkan supaya tidak memberitahu sesiapa pun menyebabkan dia menyembunyikan perkara itu daripada pengetahuan keluarganya.

"Semua wang tersebut adalah wang simpanan akaun ASB, akaun tabung haji, akaun ASN dan duit gaji pengadu," dedah beliau.

Katanya lagi, pengadu meny-

edari dirinya ditipu selepas anaknya membaca pesanan ringkas di dalam telefon bimbitnya dan memaklumkan kepadanya bahawa dia telah ditipu.

Pengadu hanya membuat laporan polis di Balai Polis Sentral di sini semalam.

"Modus operandi sindiket ini adalah memperdayakan mangsa dengan menyamar sebagai pegawai bank dan polis sehingga mendorong mangsa membuat bayaran dan mengalami kerugian.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," tambah beliau.